

15/11/1999

Gempur pembangkang (HL)

Kadir Dikoh; Jamiah Shukri

KUALA LUMPUR, Ahad - Barisan Nasional (BN) memulakan kempen pilihan raya umum kesepuluh hari ini dengan pergerakan Pemuda dan Wanitanya diarah mengempur pembangkang bagi memastikan kemenangan majoriti dua pertiga.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Pemuda BN memastikan pilihan raya berjalan lancar dan dalam keadaan aman, manakala Wanita memberi penjelasan kepada pengundi supaya tidak keliru dengan dakwah pembangkang.

"Semboyan dah berbunyi, pergilah ke kawasan masing-masing, teruskanlah perjuangan untuk bangsa, negara dan agama," kata Dr Mahathir, disambut laungan 'Hidup Barisan', 'Hidup Mahathir' dan nyanyian lagu patriotik oleh lebih 15,000 ahli Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis itu adalah taklimat untuk pasukan gerak gempur Pemuda dan Wanita BN yang terbabit secara langsung dalam gerakan jentera pilihan raya BN di kawasan masing-masing.

Pada akhir majlis, Dr Mahathir membacakan watakah perjuangan BN, khusus untuk pergerakan Pemuda dan Wanita, diikuti semua yang hadir di Dewan Tun Abdul Razak, PWTC itu.

Watakah itu kemudian diserahkan kepada pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn dan Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta 13 wakil Pemuda parti komponen BN termasuk dari Sarawak dan Sabah.

Sebelum itu, pada akhir ucapannya, Dr Mahathir meminta semua anggota Pemuda dan Wanita BN yang hadir yang penuh sesak itu berdiri dan mengulangi ikrar yang dibacanya, berbunyi:

"Kami akan sokong, akan undi, akan tentukan rakyat mengundi, semua calon BN walau dari parti apa sekalipun, walau dari kaum apa sekalipun. Kami berikrar bahawa semua yang menjadi calon BN adalah calon kami."

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob yang juga Pengarah Operasi Pilihan Raya untuk BN.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno meminta Pemuda BN memastikan pilihan raya kali ini dapat berjalan dengan baik dan memastikan rakyat mengekalkan BN sebagai parti pemerintah.

Kepada Wanita BN pula, beliau meminta mereka keluar menemui pengundi dan memberi penjelasan mengenai keadaan sebenar di negara ini supaya pengundi tidak keliru dengan dakwah pembangkang dan terus mengundi BN.

Beliau turut membangkitkan pentingnya Pemuda BN bekerjasama dengan pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan kerana kemungkinan pembangkang khususnya Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengadakan rusuhan bagi menggagalkan pilihan raya kali ini.

Katanya, parti lawan akan mencetuskan huru-hara untuk menggagalkan pilihan raya apabila menyedari mereka akan tetap kalah dan mungkin kalah 100 peratus.

"Yang akan kalah 100 peratus ialah parti Keadilan. Apabila pilihan raya separuh jalan dan tak ada sokongan kepada mereka dan ada rasa kekecewaan, kepemimpinan mereka akan menyuruh supaya merusuh kerana ini cara Keadilan - merusuh di jalan-jalan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Pemuda dan Wanita BN harus menjalankan amalan biasa ketika berkempen iaitu bergerak dengan tersusun, tertib dan bersopan.

Beliau mengulangi nasihatnya kepada penyokong BN supaya tidak

mempersoalkan calon yang dipilih sebaik saja senarai muktamad diumumkan nanti.

Katanya, senarai calon itu akan diputuskan oleh pucuk pimpinan parti komponen sebelum beliau sendiri membuat keputusan terakhir.

Beliau berkata, satu-satunya faktor yang boleh menggagalkan BN pada pilihan raya nanti adalah perebutan untuk menjadi calon di kalangan ahli parti komponen sendiri.

"BN akan memilih yang terbaik untuk mewakili parti kita. Calon-calun itu akan terdiri daripada pelbagai parti dan kaum, dan akan bertanding sebagai calon BN.

"Kita boleh beri pendapat siapa yang patut dan sesuai dijadikan calon tetapi apabila calon sudah ditentukan, ia tidak harus dipersoalkan lagi. Kita terima sesiapa saja yang jadi calon," katanya.

(END)